

## Muzakarah Jawatankuasa Fatwa

# Izin poco-poco tapi bersyarat



>>Oleh Hayati Ibrahim

ya\_t@hmetro.com.my

**S**EPANG: Muzakarah Jawatankuasa Fatwa (JKF) Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang di sini, sejak Rabu hingga semalam memutuskan tidak menghalang orang ramai terabit dengan tarian poco-poco, selagi tidak melanggar garis panduan ditetapkan.

Pengerusinya, Prof Emeritus Tan Sri Datuk Dr Abdul Shukor Husin berkata, jawatankuasa itu sudah mengeluarkan Garis Panduan Amalan Kebatinan Dalam Persembahan Kesenian Tradisional Masyarakat Melayu pada 2007 yang boleh dijadikan rujukan berhubung perkara itu.

“Di antara garis panduan ditetapkan adalah menjaga pergaulan antara lelaki dan wanita serta mengawal pergaulan, menjaga etika berpakaian, tidak berbertukar pemujaan dan tidak melakukan ritual atau ibadat orang bukan Islam.

“Jadi, jika berdasarkan garis panduan itu, kita tidak ada halangan... tambahan lagi kita dimaklumkan tarian poco-poco sudah dibuat dengan pelbagai cara dan ada juga pandangan menyatakan ia baik untuk kesihatan.

“Namun, kita menasihatkan masyarakat Islam supaya berhati-hati dan melihat kepada garis panduan itu, sekiranya tidak melanggar (garis panduan) dan menda-tangkan kesihatan, kita tiada halangan,” katanya pada si-

dang media selepas mem-pengerusikan muzakarah terabit di sini, semalam.

Januari lalu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak memutuskan tarian poco-poco di-haramkan di negeri itu kerana ia mempunyai kaitan dengan kepercayaan agama lain iaitu Kristian selain pemujaan roh, malah berdas-arkan kajian ia sering di-amalkan di Jamaica dan ber-cirikan agama Kristian.

Bagaimanapun, Abdul Shukor berkata, pihaknya masih melakukan beberapa kajian terhadap tarian berkenaan sebelum keputusan lanjut berhubung perkara itu di-ambil.

Beliau berkata, keputusan pengharaman tarian itu di Perak masih kekal memandangkan Majlis Agama Islam

Negeri mempunyai kuasa mengeluarkan fatwa berhu-bung sesuatu perkara.

Sementara itu, katanya mu-zakarah selama tiga hari itu turut membincangkan men-genai penggunaan vaksin untuk jemaah haji dan um-rah dan mereka bersetuju penggunaan vaksin Meningi-tis Mencevax yang sudah di-gunakan sejak sekian lama di negara ini adalah harus dan dibenarkan.

“Kita sudah meneliti semua pandangan yang diterima dan sudah mendapatkan maklumat terperinci daripa-da Kementerian Kesihatan dan pakar berkenaan. Berikutan itu kita bersetuju ia harus digunakan masyarakat Islam... tambahan pula ia sudah lama digunakan di ne-gara ini,” katanya.



**Berdasarkan garis panduan itu, kita tidak ada halangan... tambahan lagi ada pandangan menyatakan tarian poco-poco baik untuk kesihatan”**

>Prof Emeritus Tan Sri Datuk Dr Abdul Shukor Husin  
Pengerusi JfK